



THE IMPORTANCE OF UNDERSTANDING THE CHARACTER OF A COUPLE TOWARDS ENHANCING SAKINAH, MAWADDAH AND RAHMAH: AN ANALYSIS OF A NEUROSCIENCE PERSPECTIVE

KEPENTINGAN MEMAHAMI KARAKTER PASANGAN KE ARAH MENINGKATKAN SAKINAH, MAWADDAH DAN RAHMAH: ANALISIS PERSPEKTIF NEUROSAINS

Junainah Hanim Mohamed Nor¹ & Zul-kifli Hussin²

¹ Pensyarah, Jabatan Syariah, Fakulti Pengajian Islam dan Sains Sosial, Universiti Sultan Azlan Shah. junainah@usas.edu.my

² Pensyarah Kanan, Jabatan Syariah, Fakulti Pengajian Islam dan Sains Sosial, Universiti Sultan Azlan Shah. zul-kifli@usas.edu.my

Abstract

Marriage is one of the sunnah (ways) of the prophet Muhammad pbuh, whereby it is a way of attaining a woman as a life partner legally. It is in line with the concepts of sakinah (tranquility) mawaddah (happiness) and rahmah (mercy). Therefore it is obligatory for Muslims to follow the Sunnah of the prophet pbuh. The Sunnah of the prophet are vary, some can be understood and taken literally, while others need deeper understanding. However, the ones which need deeper insight are not being studied properly, nor being applied as life guidance. One of the examples of the Sunnah is for a married couple to put the utmost effort in understanding the characters of his/her spouse. Most of marriages are functioning only through superficial understanding. This article intends to analyse the importance of understanding both parties of a married couple from neuroscience view. A qualitative research is seem to fit in obtaining the objectives of this study. Data finding will be gained through observation as well as a thorough analysis of the documents gathered from the findings of Muhaya Mohamad, who's research is on men and women's hormonal changes and their original characteristics. The analysis is based on thematic analysis. The finding of this study shows that all of the married couples have faced difficulties in understanding their partner, which they believe as one of the reasons of the conflict in their marriage, resulting in a divorce. It is suggested that the upgrading in marital procedure should be implemented by the state religious authority in order to curb the increasing pattern of divorce among Muslims.

Keywords: *Extrogen, Hormone, Conflict, Neuroscience, Testosterone.*

Abstrak

Pernikahan adalah sunnah Nabi SAW dan merupakan salah satu daripada dua cara untuk memiliki wanita sebagai pasangan hidup serta bertepatan dengan konsep sakinah,

mawaddah dan rahmah. Oleh itu, selayaknya dan sewajarnya apa yang diperintahkan oleh Nabi perlu dipatuhi sepenuhnya. Ada perintah Nabi SAW yang boleh difahami secara tersurat, bahkan tidak dinafikan ada juga yang difahami secara tersirat. Malangnya, apa yang tersirat ini belum sepenuhnya digali dan dijadikan sebagai panduan. Antaranya adalah berusaha untuk memahami bagaimana sikap, karakter pasangan masing-masing. Kebanyakan pasangan hanya melihat secara tersurat semata-mata. Artikel ini berhasrat untuk menganalisis kepentingan memahami pasangan dari aspek neurosains. Kajian secara kualitatif dilihat amat sesuai untuk menjawab objektif tersebut. Data akan diperolehi menerusi kaedah pemerhatian secara langsung serta penelusuran terhadap dokumen-dokumen yang diperolehi dari penemuan Muhaya Mohamad mengenai hormon wanita dan lelaki yang melibatkan sifat semula jadi bagi kedua-dua jantina ini. Seterusnya data dianalisis berasaskan analisis tematik. Dapatan kajian menunjukkan bahawa semua pasangan masih tidak mampu memahami karakter pasangan masing-masing dan akhirnya ia dianggap sebagai punca tercetusnya pergolakan rumah tangga dan tidak sedikit yang berakhir dengan perceraian. Kajian seperti ini dapat diteruskan dan diterapkan oleh pihak berkuasa agama negeri khususnya bagi membendung peningkatan statistik perceraian khususnya dalam kalangan umat Islam.

Kata kunci: *Extrogen, Hormon, Konflik, Neurosains, Testosterone.*

PENDAHULUAN

Setiap manusia mengimpikan sebuah keluarga yang aman dan bahagia tanpa krisis rumah tangga yang kronik. Hikmah perkahwinan adalah untuk mencapai sakinah, mawaddah dan rahmah bagi setiap anggota keluarga. Perkara ini termaktub dalam ayat al-Quran surah al-Rum ayat 21 yang bermaksud:

Maksudnya, *“Dan antara tanda-tanda yang membuktikan kekuasaan-Nya dan rahmat-Nya, bahawa Dia menciptakan untuk kamu (wahai kaum lelaki), isteri-isteri daripada jenis kamu sendiri, supaya kamu bersenang hati dan hidup mesra dengannya, dan dijadikan-Nya di antara kamu (suami isteri) perasaan kasih sayang dan belas kasihan. Sesungguhnya yang demikian itu mengandungi keterangan-keterangan (yang menimbulkan kesedaran) bagi orang-orang yang berfikir”* (al-Quran. al-Rum. 30: 21).

Penerapan konsep sakinah, mawaddah dan rahmah hanya berlaku di alam perkahwinan. Allah telah menjadikan pasangan daripada jenis yang sama iaitu manusia untuk manusia, Buktinya, penciptaan Siti Hawa adalah sebahagian daripada Nabi Adam (manusia) bertujuan merealisasikan konsep sakinah, mawaddah dan rahmah (al-Dimashqi, 2000). Perasaan sakinah, iaitu tenang jiwa dan fizikal akan mula hadir dalam hati pasangan tersebut dan ini adalah merupakan objektif utama memasuki alam rumah tangga. Konsep mawaddah terlaksana apabila mereka melakukan hubungan intim dan rahmah akan terhasil apabila memiliki zuriat. (Al-Razi, t.th). Ketiga-tiga konsep ini sangat berhubungkait antara satu sama lain bagi kelangsungan aman dan damai dalam kehidupan rumahtangga (Juwita, 2017).

Justeru, bagi menguatkan konsep sakinah, mawaddah dan rahmah dalam rumah tangga, pengetahuan terhadap neurosains yang meliputi sifat semulajadi kelakian dan kewanitaan amatlah disyorkan agar kerukunan rumah tangga akan berpanjangan. Perkongsian ini daripada Muhaya Mohamad tentang 12 sifat kelakian dan 12 sifat kewanitaan yang dikuasai oleh hormon testosterone bagi lelaki dan hormon extrogen bagi wanita (Muhaya Mohamad, 2021).

Sekiranya hormon kelakian dan kewanitaan tidak dirembeskan melalui sifat dan perbuatan semulajadi bagi manusia, kemungkinan besar seseorang itu akan mengalami stress dan secara tidak langsung krisis rumah tangga akan berlaku. 12 sifat kelakian daripada hormon testosterone ialah berdikari, bebaskan diri, suka menyelesaikan masalah, seorang yang gagah berani, suka bersaing, suka analisa, rasa berkuasa terhadap wanita, tetap pendirian, cekap, yakin diri, seorang yang bertanggungjawab serta fokus pada matlamat.

Manakala sifat kewanitaan yang dimonopoli oleh hormon estrogen ialah suka bergantung pada orang lain, respon dengan emosi, suka menjaga dan memanjakan orang lain, lemah lembut, suka bekerjasama, intuisi atau mengikut rasa hati, seorang yang penyayang, mudah menerima orang lain, bersifat baik, mempercayai, responsif dan fokus pada perhubungan (Muhaya Mohamad, 2021).

Secara tidak langsung pendekatan yang telah diperkenalkan oleh Muhaya ini memudahkan pengkaji mencari isu sebenar konflik rumah tangga. Tidak dinafikan krisis rumah tangga antara suami isteri tetap berlaku. Namun begitu, kadar penceraian boleh dikawal sekiranya setiap pasangan memahami sifat semula jadi masing-masing.

SOROTAN KAJIAN

Konsep Sakinah, Mawaddah Dan Rahmah

Kebahagiaan rumah tangga muslim khususnya merupakan usaha sama antara suami isteri yang berteraskan tiga konsep utama iaitu sakinah, mawaddah dan rahmah. Pemahaman dan penghayatan terhadap konsep-konsep ini dijangka boleh memulihkan krisis rumah tangga. Kajian ini telah membentuk empat tema untuk menghuraikan konsep sakinah, mawaddah dan rahmah dalam hubungan suami isteri.

Pertama, memberi perhatian dan tumpuan terhadap konsep-konsep tersebut. Kedua, mengenalpasti isu yang berkaitan dengan perhubungan suami isteri. Ketiga, mengupas elemen-elemen kesejahteraan dalam keluarga dan keempat ialah mengetahui aplikasi konsep sakinah, mawaddah dan rahmah dalam perhubungan suami isteri mengikut konteks semasa (Nur Faezah Musthaphar, 2019).

Namun sekiranya konsep sakinah, mawaddah dan rahmah tidak dihayati dengan sempurna berkemungkinan besar akan wujud pelbagai masalah keluarga seperti masalah kewangan, contohnya kes isteri berpendapatan lebih tinggi daripada pendapatan suami akhirnya isteri sering menyalahkan suami dan kurang menghargai suami (Nur, 2019).

Tinjauan selanjutnya menunjukkan personaliti beragama merupakan penyumbang ke arah kebahagiaan rumah tangga di samping patuh terhadap hukum taklifi kekeluargaan akan lebih menghayati konsep sakinah, mawaddah dan rahmah. Pelaksanaan tanggungjawab terhadap keluarga merujuk kepada tuntutan hukum taklifi berdasarkan kemampuan bagi seseorang mukallaf. Merujuk kepada personaliti beragama akan terbukti melalui keperibadian mukmin yang berteraskan sikap dan keyakinan terhadap akidah lalu dipraktikkan dengan ibadah dan akhirnya terpancar melalui akhlak dan tingkahlaku seseorang itu (Hazwani, 2019).

Selain perkara di atas, perkembangan hubungan perkahwinan juga perlu dititikberatkan demi mengekalkan konsep sakinah, mawaddah dan rahmah dalam rumah tangga. Terdapat empat fasa perkembangan hubungan perkahwinan dalam kitaran perkembangan keluarga iaitu fasa perkembangan praperkahwinan, fasa perkembangan awal perkahwinan, fasa perkembangan pertengahan perkahwinan dan fasa perkembangan kekal perkahwinan. Setiap fasa-fasa ini perlu kepada tugas dan strategi utama serta tidak ketinggalan akan menempuh cabaran-cabaran tertentu. Kunci utama kejayaan menempuh

fasa-fasa ini adalah hasil kerjasama suami isteri dalam perkahwinan mereka. (Salmi Jalina, 2020)

Menerusi tinjauan terhadap fitrah dan kecenderungan suami dalam menunaikan tanggungjawab sebagai pemimpin keluarga sebenarnya adalah berat kerana tidak hanya menanggung keperluan nafkah malah perlu memberikan perlindungan kepada keluarga seperti menjaga kebajikan dan keselamatan ahli keluarga (Siti Halimah Putung, 2021).

Perbezaan struktur otak lelaki dan wanita hakikatnya adalah pencetus utama kepada perbezaan sifat wanita dan lelaki. Sekiranya difahami dengan sebaik mungkin, ia mampu menjadi pemangkin kepada sakinah, mawaddah dan rahmah dalam rumah tangga. Kegagalan memahaminya menyebabkan konflik yang tidak berkesudahan dalam rumah tangga.

Perbezaan sifat wanita dan lelaki juga dilihat merupakan pendorong kepada pembentukan konsep sakinah, mawaddah dan rahmah ini melalui perbezaan struktur otak lelaki dan otak wanita. Perbezaan ini akan mencorakkan dari segi kepimpinan melalui gaya maskulin yang cenderung kepada pencapaian manakala gaya feminin pula lebih cenderung keadaan membina hubungan dengan stafnya. Secara tidak langsung, perbezaan ini akan menutup kekurangan dan menyempurnakan kepimpinan dalam satu-satu organisasi (Aisyatur Rosyidah, 2021). Pendekatan ini lebih berkesan sekiranya diterapkan dalam rumah tangga.

Seterusnya, pendekatan melalui proses kaunseling dalam membantu pasangan menangani masalah curang. Kaedah yang digunakan Model Rawatan *Infidelity Spesific* oleh Baucom, Gordon, Snyder, Atkins dan Christensen (2006) dan diterapkan juga Terapi Kognitif Tingkah Laku dari perspektif Islam. Hasilnya telah menunjukkan bahawa kaedah ini dapat membantu dalam menguruskan kesan kecurangan dan membina semula kepercayaan terhadap pasangan (Rozaina, 2021).

Kisah kehidupan responden dalam kajian ini telah membuahkan satu natijah bahawa sifat semula jadi pada diri lelaki dan wanita hendaklah diletakkan sesuai pada tempatnya. Ilmu mengenal sifat semula jadi terhadap pasangan amatlah penting kerana situasi krisis rumah tangga pasti akan berlaku. Namun begitu sekiranya pada diri pasangan cuba memahami dan mengenali sifat semulajadi pada diri kelakian dan kewanitaan berkemungkinan besar statistik penceraian akan dapat dikurangkan tahun demi tahun.

METODOLOGI KAJIAN

Reka bentuk kajian ini berasaskan penyelidikan kualitatif. Data-data dipungut melalui dua kaedah. Pertama, kaedah temu bual bersama responden yang diperolehi secara rawak di Unit Runding Cara, Pembangunan Keluarga, Jabatan Agama Islam Perak. Responden yang terlibat dalam kajian ini adalah terdiri daripada sepasang suami (selepas ini dirujuk SU1) dan isteri (selepas ini dirujuk IS2). Responden seterusnya adalah seorang isteri (selepas ini dirujuk IS3) tanpa suami dan juga seorang suami (selepas ini dirujuk SU4). Responden terakhir pula melibatkan sepasang suami (selepas ini dirujuk sebagai SU5) dan isteri (selepas ini dirujuk sebagai IS6)

Kedua, data seterusnya diperolehi melalui pembacaan yang mendalam terhadap dokumen melalui draf penemuan *Neurolinguistic Programme* daripada Muhaya Mohamad tentang hormon-hormon yang dikeluarkan secara semulajadi daripada diri seorang wanita dan lelaki.

Data daripada kedua-dua sumber tersebut akan dianalisis menggunakan kaedah analisis tematik dengan membina tema-tema berdasarkan 12 sifat kekelakian dan 12 sifat

kewanitaan yang dikawal oleh dua hormon utama bagi lelaki iaitu hormon testosterone dan wanita adalah hormon estrogen.

ANALISIS KONFLIK RUMAHTANGGA DARI PERSPEKTIF NEUROSAINS

Perbincangan seterusnya melibatkan pengamatan terhadap kes-kes konflik rumah tangga. Maklumat diperolehi melalui situasi sebenar yang diperolehi hasil daripada Majlis Penasihatannya yang dijalankan di Jabatan Agama Islam, Perak. Kes-kes seterusnya akan dianalisis dari perspektif neurosains. Neurosains merujuk kepada hormon testosterone dan estrogen. Hormon testosterone merujuk kepada lelaki yang boleh mempengaruhi 12 sifat semulajadi bagi lelaki, iaitu sifat berdikari, bebas, suka menyelesaikan masalah, gagah, bersaing, suka analisa, berkuasa, tetap pendirian, cekap, yakin diri, bertanggungjawab dan fokus pada matlamat.

Manakala hormon estrogen pula yang boleh mempengaruhi 12 sifat kewanitaannya iaitu sifat memerlukan orang lain, respon dengan emosi, memanjakan, menunjukkan kelemahan, bekerjasama, intuisi, penyayang, menerima, bersifat baik, mempercayai, responsif dan menjaga hubungan.

Demografi dalam konteks kajian ini merujuk kepada responden kajian seperti berikut:

Responden	Umur	Taraf Pendidikan	Pekerjaan	Tempoh Perkahwinan
SU1	30	SPM	Tentera Laut	5 tahun
IS2	31	SPM	Pembantu Tadbir	5 tahun
IS3	34	Ijazah	Akauntan	2 tahun
SU4	25	SPM	Pembantu Tadbir	2 tahun
IS5	42	SPM	Peniaga	20 tahun
SU6	42	SPM	Pemandu	20 tahun

Jadual 1.1 Profil Responden¹

Berbanding dengan jadual 1.1 di atas, melibatkan enam responden. Responden pertama (SU1) dan responden kedua (IS2) merupakan sepasang suami isteri. Responden ketiga (IS3) dan responden keempat (SU4) adalah individu yang masing-masing ada pasangannya yang tersendiri. Manakala responden kelima (IS5) dan responden keenam (SU6) adalah merupakan sepasang suami isteri juga.

Konflik Responden

Kes pertama yang melibatkan IS1 yang membuat pengaduan terhadap SU1 yang menurutnya tidak memahami dirinya dalam pelbagai sebab. Konflik di antara mereka menjadi semakin kronik setelah kematian anak sulung mereka. Kesan daripada itu, IS2 bertekad untuk berpisah dengan SU1. Berbanding dengan SU1, pada awal sesi temu bual bersama IS2, SU1 bertegas dengan pandangan bahawa konflik yang berlaku di antara mereka adalah berpunca daripada

¹ Sumber: Temubual bersama responden di Unit Runding Cara, Bahagian Pembangunan Keluarga, Jabatan Agama Islam Perak

sikap IS2 yang tidak memahaminya sebagai seorang suami. Namun begitu, pada akhir sesi penasihatannya, SU1 mula mengakui bahawa kesilapan sebenarnya berpunca daripada sifatnya yang agak kurang prihatin terhadap IS2.

Seterusnya responden ketiga (IS3) hadir membuat aduan berkaitan dengan tabiat suaminya yang masih mengekalkan perangai zaman bujangnya, iaitu suka melepak dengan rakan-rakannya hingga lewat malam dan merokok. Tabiat tersebut dibawa ke alam rumah tangga dan hal ini tidak disenangi dan amat mengganggu emosi IS3. Berbeza dengan responden pertama dan kedua, IS3 menceritakan satu persatu secara kronologi krisis rumah tangga mereka. Pada awal perkahwinan, IS3 dengan suaminya sering bergaduh atas perkara yang agak remeh, kesannya daripada krisis tersebut, suami IS3 sering keluar rumah meninggalkan IS3 sendirian di rumah.

Rentetan daripada itu, tabiat lama suami seperti merokok dan suka melepak mula aktif semula. Padahal sebelum ini, suami IS3 pernah berjanji kepada IS3 untuk berhenti daripada tabiat zaman bujangnya. Suami IS3 memberi alasan, beliau akan mengulangi tabiat dan sikap zaman bujangnya sekiranya dia di dalam keadaan tekanan. Hal ini terus berlanjutan menjadi serius apabila ada lafaz takliq daripada suami IS3. Pada akhir sesi penasihatannya bersama responden IS3, IS3 akan melakukan beberapa perubahan sikap seperti kurangkan leteran dan marah kepada suami. Hal ini berkemungkinan besar, kesan daripada sikap IS3 terhadap suaminya, menyebabkan suami masih mengekalkan sifat lama zaman bujangnya.

Selanjutnya adalah melibatkan responden keempat (SU4). Sesi penasihatannya ini bersama isterinya, namun dalam kajian ini pengkaji hanya mengambil suami (SU4) sebagai responden. SU4 yang mengutarakan rasa tidak senang hati dengan sikap dan tingkah laku isterinya yang tidak memahaminya. Meskipun isterinya telah melakukan yang terbaik untuk keluarga kecil mereka, namun itu tidak memuaskan hati SU4. SU4 adalah anak sulung daripada 3 orang adik beradik.

Manakalah isterinya anak bungsu daripada 8 orang adik beradik. Kehidupan dan didikan keluarga kedua-dua belah pihak agak berbeza. Pada pengamatan pengkaji, SU4 adalah seorang yang ego, tidak mahu menerima keadaan keluarga belah isteri dan sering menyalah isteri apabila melibatkan keluarga. Namun begitu, pada akhir sesi penasihatannya, disyorkan oleh pengkaji agar berbaik dan diberikan tempoh selama dua minggu untuk melakukan beberapa perubahan sama ada di pihak isteri ataupun di pihak SU4 sendiri.

Responden yang terakhir, iaitu melibatkan responden kelima (IS5) dan responden keenam (SU6) sepasang suami isteri. SU6 telah membuat pengaduan di Unit Runding Cara, Bahagian Pembangunan Keluarga tentang kecurangan IS5 bersama bekas teman lelakinya. SU6 mengesyaki mereka mempunyai hubungan sulit, namun dinafikan oleh IS5. SU6 amat kesal dengan tindakan IS5.

Kecurangan yang dilakukan oleh IS5 adalah kesan pengabaian tanggungjawab daripada SU6. SU6 mempunyai dua orang isteri iaitu IS5 (isteri pertama) dan seorang lagi isteri (isteri kedua). IS5 berasakan SU6 tidak lagi mesra bersamanya. Segala perbelanjaan rumah tangganya di tanggung oleh IS5. Sehubungan dengan itu, SU6 mula sedar akan kesilapannya dan cuba menerima kembali isterinya dan berharap agar isterinya kembali taat kepadanya.

ANALISIS BERDASARKAN NEUROLINGUISTIC PROGRAMME

Kes-kes di atas selanjutnya akan dianalisis berasaskan hormon lelaki dan wanita yang mempengaruhi sifat-sifat semula jadi bagi manusia. Berikut adalah jadual hormon-hormon yang ada pada lelaki dan wanita yang mewakili sifat semulajadi bagi kedua-dua jantina ini.

Bil	Maskulin (Hormon Testosterone)	Feminin (Hormon Estrogen)
1	Berdikari	Memerlukan Orang Lain
2	Bebas	Respon Dengan Emosi
3	Suka Menyelesaikan Masalah	Memanjakan
4	Gagah	Menunjukkan Kelemahan
5	Bersaing	Bekerjasama
6	Suka Analisa	Intuisi
7	Berkuasa	Penyayang
8	Tetap Pendirian	Menerima
9	Cekap	Bersifat Baik
10	Yakin Diri	Mempercayai
11	Bertanggungjawab	Responsif
12	Fokus Pada Matlamat	Menjaga Hubungan

Jadual 1.2 Hormon Mewakili Sifat Manusia
Sumber: PMC Muhaya Circle 2021

Hasil kajian mendapati punca sebenar krisis rumah tangga boleh berlaku apabila salah seorang dari pasangan tidak memahami sifat semulajadi bagi lelaki atau wanita. Selanjutnya perhatikan jadual di bawah:

Sifat Kelakian Melalui			
Hormon Testosterone	SU1	SU4	SU6
Berdikari			
Bebas	√	√	
Suka Menyelesaikan Masalah	√	√	√
Gagah			
Bersaing			
Suka Analisa	√	√	√
Berkuasa	√	√	√
Tetap Pendirian	√	√	
Cekap			
Yakin Diri			

Bertanggungjawab	√	√	√
Fokus Pada Matlamat			√

Jadual 1.3 Sifat Semulajadi Bagi Responden Lelaki

Jadual 1.3 ini menunjukkan sifat-sifat kelakian yang lebih dominan bagi SU1 dan SU4. Krisis rumah tangga mereka dapat diselamatkan sekiranya isteri mereka dapat memahami sifat sebenar yang ada dalam jiwa seorang lelaki. Justeru, dapat dilihat bahawa sifat kelakian pada SU1 dan SU4 adalah sama cuma berbeza dari segi cara hidup dan suasana sekeliling mereka. Manakala SU6 ada sifat fokus pada matlamat berbanding dengan SU1 dan S4. Hal ini kerana faktor usia SU6 yang dilihat banyak mempengaruhi sifat fokus pada matlamat. Meskipun berlaku krisis dengan isterinya, beliau tetap ingin meneruskan perkahwinan yang telah dibina selama 20 tahun. suka analisa, rasa berkuasa dengan isteri, tetap pendirian dan bertanggungjawab. Hal ini selari dengan ayat al-Quran surah an-Nisa ayat 34 yang bermaksud: *“Kaum lelaki itu adalah pemimpin dan pengawal yang bertanggungjawab terhadap kaum perempuan, oleh kerana Allah telah melebihkan orang-orang lelaki (dengan beberapa keistimewaan) atas orang-orang perempuan, dan juga kerana orang-orang lelaki telah membelanjakan (memberi nafkah) sebahagian dari harta mereka”* (al-Quran. Al-Nisa’. 4: 34).

Surah al-Nisa’ ayat 34 telah membuktikan sifat sebenar lelaki iaitu sebagai pemimpin yang bertanggungjawab terhadap wanita (al-Tabari, 2001). Bagi merealisasikan peranan seorang lelaki, kepercayaan, penerimaan dan penghargaan daripada seorang isteri amat diperlukan agar kesejahteraan rumah tangga akan berkekalan. Jika isteri memahami sifat-sifat yang ada diri seorang suami berkemungkinan besar krisis rumah tangga dapat diselesaikan dengan aman dan sejahtera. Pengetahuan ini perlu dipupuk dalam kalangan masyarakat khususnya kepada pasangan suami isteri. Jika tidak, rumah tangga akan berakhir dengan perceraian, sedangkan perceraian hakikatnya masih boleh dielakkan oleh setiap pasangan.

Begitu juga halnya dengan wanita merujuk kepada responden IS2, IS3 dan IS5. Seperti Jadual di bawah ini:

Sifat Kewanitaan Melalui Hormon			
Extrogen	IS2	IS3	IS5
Memerlukan Orang Lain	√	√	√
Respon Dengan Emosi	√	√	√
Memanjakan	√		
Menunjukkan Kelemahan			√
Bekerjasama			
Intuisi		√	
Penyayang	√	√	
Menerima	√	√	√
Bersifat baik		√	√

Mempercayai	√	√	
Responsif	√	√	√
Menjaga Hubungan	√	√	

Jadual 1.4 Sifat Semulajadi Bagi Responden Wanita

Jadual di atas menunjukkan bahawa hormon extrogen mempengaruhi sifat dan kelakuan seseorang wanita. Responden IS2 memiliki antara 12 sifat semulajadi kewanitaan dalam dirinya ialah memerlukan orang, respon dengan emosi, gemar memanjakan orang lain, menunjukkan kelemahan bermaksud amat memerlukan suaminya dalam apa jua keadaan yang dihadapinya, seorang yang penyayang, sentiasa menerima suaminya, mempercayai suaminya, responsif dengan keadaan bersama dengan suaminya dan menjaga hubungan dengan suami demi anak-anak.

Manakala responden IS3, seorang yang bekerjaya, agak berumur sedikit daripada suaminya namun belum lagi dikurniakan cahaya mata meskipun usia perkahwinan mereka telah memasuki tahun kedua. Sebagai wanita sifat-sifat beliau tentunya dipengaruhi oleh hormon extrogen. Hormon ini amat orang lain iaitu suaminya, respon dengan emosi apabila suaminya kerap keluar rumah hanya untuk bertemu dengan rakan-rakannya, intuisi apabila beliau berasakan ada kesan yang buruk terhadap zuriatnya kelak sekiranya tiada perubahan sikap daripada suaminya, seorang yang penyayang, menerima suaminya walaupun rasa tidak puas hati dengan sikap suaminya, bersifat baik iaitu tetap melayani suaminya walaupun apa keadaan sekalipun, mempercayai suaminya, responsif dengan keadaan suaminya dan menjaga hubungan kekeluargaan, iaitu tetap melayani dan menyantuni keluarga suaminya.

Berbanding halnya dengan IS5, memandangkan usia perkahwinan bersama suami telah mencecah 20 tahun. Sifat mengalah atau menerima kelemahan diri sendiri begitu menebal dalam diri IS5. Rentetan daripada itu, dapat dilihat bahawa sifat sebenar seorang isteri hanya memerlukan kasih sayang, perhatian dan penghargaan daripada suaminya. Kesejahteraan dan kerukunan rumah tangga akan berkekalan sekiranya suami-suami kepada responden IS2 dan IS3 dapat memahami sifat kewanitaan yang ada isteri-isteri mereka. Seajar dengan firman Allah surah an-Nisa ayat 19 yang bermaksud: *“Dan bergaullah kamu dengan mereka (isteri-isteri kamu itu) dengan cara yang baik”* (al-Quran. al-Nisa’ 3: 19).

Ayat ini menegaskan bahawa suami bertanggungjawab memahami dan melayani isteri dengan baik (al-Qurtubiy, 2006). Secara tersiratnya, ayat ini telah membenarkan kajian tentang hormon yang mengaitkan wanita dengan sifat-sifat tertentu sebagaimana yang telah dibincangkan di atas. Oleh yang demikian, pendekatan terhadap pengetahuan dan pemahaman tentang hormon-hormon yang mempengaruhi sifat kelakuan dan kewanitaan amatlah digalakkan agar kelangsungan keharmonian berumahtangga akan berterusan.

PENUTUP

Hasil kajian menunjukkan bahawa untuk mewujudkan persefahaman dan keserasian tidak lagi suatu yang mustahil apabila dalam setiap diri manusia mula memahami kehendak dan sifat semulajadi pasangannya. Bagi seorang lelaki, isteri perlu percaya, menerima dan menghargai suami dalam apa jua keadaan sekalipun. Kesan kepercayaan, penerimaan dan penghargaan

akan membuatkan suami lebih menghargai dan lebih memahami isterinya. Begitu juga halnya bagi wanita. Hanya berikan perhatian, hargai serta memahami jiwa seorang isteri dan imbal balik yang diterima oleh suami daripada isteri yang akan memberi sepenuh perhatian jiwa raganya kepada suaminya. Secara tidak langsung, keharmonian rumah tangga akan berpanjangan serta dapat membendung peningkatan statistik penceraian yang meningkat saban tahun.

Justeru, kajian mencadangkan pendekatan yang lebih holistik diterapkan dalam institusi keluarga. Pendekatan sedia ada perlu ditambah baik. Pasangan yang bermasalah handaklah diwajibkan untuk merujuk ke Unit Runding Cara, Bahagian Pembangunan Keluarga terlebih dahulu bagi membendung penceraian. Langkah ini hanya akan menjadi kenyataan apabila ia termaktub di dalam undang-undang. Dalam kes ini adalah Enakmen Keluarga Islam sedia ada perlu diperkasakan kembali.

Di samping itu, pegawai-pegawai terlatih perlu ditempatkan di Unit Runding Cara, Bahagian Pembangunan Keluarga agar setiap permasalahan pasangan dapat ditangani dengan lebih berkesan.

Hakikatnya dalam Islam, mempertahankan rumah tangga mestilah didahulukan daripada membubarkannya. Atas prinsip ini, satu strategi bersepadu hendaklah digerakkan dan dilaksanakan secepat mungkin bagi menyelamatkan rumah tangga khususnya rumah tangga umat Islam. Jika keadaan ini tidak dibendung, ia pasti akan menimbulkan lebih banyak *darar* dalam institusi kekeluargaan dan kemasyarakatan.

RUJUKAN

- Abidin, R. Z. 2021. *Merawat Episod Kecurangan: Pendekatan Bersepadu Dalam Kaunseling*. International Journal Of Social Policy and Society Volume 17, 28.
- Aisyatur Rosyidah, S. 2021. *Maskulinitas Dan Feminitas Kepemimpinan Pendidikan Islam: Kajian Deferensiasi Otak Laki-Laki Dan Perempuan Perspektif Neurosains*. Jurnal Manajemen Pendidikan Islam, 2.
- al-Dimashqi, I. A.-F. 2000. *Tafsir al-Quran al-'Azim*. Giza: Maktabah Awlad al-Sheikh Li al-Turath.
- al-Qurtubiy, A. A. 2006. *al-Jami' Li Ahkam al-Qur'an*. Beirut: Mu'assasat al-Risalah.
- al-Razi, F. a.-D. T.th. *al-Tafsir al-Kabir*. Beirut: Dar al-Fikr.
- al-Tabari, A. J. 2001. *Tafsir al-Tabari*. Kaherah: Hajar Li Tabaah wa al-Nashr wa al-Tawjiz wa al-Aman.
- Andang Andaiyani Ahmad, 2020. *Pengaruh Kecerdasan Emosi, Kecerdasan Spiritual Dan Persekitaran Keluarga Terhadap Stres Akademik Murid Sekolah Menengah*. Malaysia Journal of Social Sciences and Humanities, 12.
- Awang Nib Zuhairi bin Awang Ahmad, H. A.2021. *Kesejahteraan Keluarga Menurut Maqasid Syariah Dalam Konteks Masyarakat Majmuk Di Sarawak: Satu Tinjauan Awal*. Azka International Journal Of Zakat & Social Finance Vol.1 No2 p. 2.
- Jalil, S. J. 2020, Jun 1. *Perkembangan Hubungan Perkahwinan Pasangan Kekal Berkahwin Dalam Kitaran Perkembangan Keluarga*. Ijazah Doktor Falsafah. Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Juwita, D. R. 2017. *Konsep Sakinah, Mawaddah Warahmah Menurut Islam*. An-Nuha, 218.
- Mohamad, P. D. 2021, May Wed, 05. PMC Prof Muhaya Circle. Retrieved from Kursus Magical Marriage: <https://elearning.profmuhaya.com>

- Mohammad Nor Ahwar Mohd Sabri, N. T.th. *Sulh Dan Perdamaian: Aplikasinya Menurut Perspektif Islam*. International Journal Of Law Government And Communication. Volume 6 Issue 23. p 1.
- Najlaa Ismail. 2018, Januari 12. *Persepsi Lelaki Muslim Terhadap Layanan Isteri Sebagai Faktor Pengalaman Poligami: Kajian Di Bandar Baru Bangi*. Ijazah Sarjana Pengajian Islam. Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Nur Faezah Musthapar, R. H. 2019. *Sakinah, Mawaddah Dan Rahmah Dalam Perhubungan Suami Isteri: Analisis Literatur*. Jurnal Syariah, Jil. 28, Bil. 1 2019 81-104, 1-2.
- Nur, S. 2019. *Peranan Keluarga Sakinah, Mawaddah wa Rahmah Sebagai Sumber Pendidikan Yang Pertama*. Jurnal Zirah vol 1/1 2019, 87.
- Nurul Fadhilah. 2021. *Hubungan Lingkungan Keluarga, Interaksi Teman Sebaya Dan Kecerdasan Emosional Dengan Hasil Belajar Siswa*.
- Siran, F. H. 2019. Julai 10. *Hubungkait Kepatuhan Hukum Taklifi Kekeluargaan Dan Personaliti Beragama Dengan Kebahagiaan Perkahwinan Dalam Kalangan Muslim*. Ijazah Doktor Falsafah. Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Siti Chadijah. 2018. *Karakteristik Keluarga Sakinah Dalam Islam*. Rausyan Fikr, Vol. 14 No 1. 115.
- Siti Halimah Putung, R. A. 2021. *Kepimpinan Suami Dan Hubungannya Dengan Kefungsian Keluarga: Satu Perbincangan*. International Research Journal Of Shariah, Muamalat, and Islam. 4.
- Siti Suhaila Arsad. 2019. *Kesan Pendekatan Taaj Dan Taab Terhadap Kesejahteraan Emosi Dan Resiliensi Wanita Berhadapan Konflik Perkahwinan*. Ijazah Doktor Falsafah Universiti Sains Malaysia.
- Zanariah Dimon. 2019. *Darar Emosi Terhadap Isteri Dalam Perkahwinan Menurut Undang-Undang Di Malaysia*. Journal af Muwafaqat Vol. 2. No 1. 1.

Penafian

Pandangan yang dinyatakan dalam artikel ini adalah pandangan penulis. Jurnal Fiqhiyyat tidak akan bertanggungjawab atas apa-apa kerugian, kerosakan atau lain-lain liabiliti yang disebabkan oleh / timbul daripada penggunaan kandungan artikel ini.